



ALBUM KENANGAN Keempat-empat kumpulan dari UMS mengambil gambar kenangan pada Mini Convention of Team Excellence MPC Wilayah Sabah 2013.

NST 15.4.2013 9

UMS hantar empat kumpulan dalam Mini Konvensyen KIK peringkat Sabah

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menghantar empat kumpulan untuk bertanding pada Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Malaysia Productivity Corporation (MPC) Kali Ke-3 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Kesemua yang dihantar merupakan Johan dan pemenang naib Johan dalam Konvensyen KIK UMS Ke-3 Tahun 2012.

Mereka ialah kumpulan DEBUG dari Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Jabatan Pendaftar; kumpulan M'TECHS dan kumpulan Dinamik dari Sekolah Perubatan (SPU) serta RMEC Team dari SPU Cawangan Situati, Kudat.

Penyertaan keempat-empat kumpula pada pertandingan itu yang kini dikenali sebagai Mini Convention on Team Excellence Wilayah Sabah 2013 nyata amat membanggakan apabila kesemuanya berjaya meraih Anugerah Emas.

Turut menerima Anugerah Emas adalah kumpulan dari Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) iaitu KIK KREATIF, KIK QAUTEAM

dan KIK ZERO'N selain kumpulan dari Petronas Chemicals Methanol, Labuan iaitu KIK ROTALINE dan KIK EXCHANGER.

Anugerah sama juga turut dimenangi oleh KIK POLIGON dari Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), KIK AVATAR dari Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas dan KIK SENI Perbadanan Labuan. Para penerima Anugerah Emas tersebut akan berentap sekali lagi dalam Convention on Team Excellence Wilayah Sabah dan Sarawak yang akan diadakan pada 3-4 Julai 2013, bertempat di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu.

Bagi pemenang Anugerah Perak pula masing-masing dimenangi oleh KIK 1 VISION dari Hospital Tawau serta KIK GO ICT dari SESB. Dua anugerah utama iaitu Anugerah ICC Muda Terbaik telah dimenangi oleh KIK POLIGON dari JUPEM, manakala Anugerah The Most Promising ICC pula telah dimenangi oleh KIK KREATIF dari SESB.

Mini konvensyen KIK yang berlangsung selama sehari itu menyaksikan penyertaan sebanyak 14 kumpulan daripada agensi kerajaan dan swasta.